



07 DEC, 2022

## 41 kawasan Melaka Tengah terima liputan 5G

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

# 41 kawasan Melaka Tengah terima liputan 5G

**MELAKA** - Melaka melancarkan liputan rangkaian 5G secara rasminya pada Selasa meliputi 41 kawasan tersedia di Melaka Tengah dengan 46 peratus capaian adalah di kawasan berpenduduk padat.

Exco Kanan Pelaburan Perindustrian Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, dengan kemudahan teknologi itu, kerajaan negeri berhasrat menjadi peneraju bandar pintar di negara ini di samping mewujudkan pelbagai aktiviti yang mampu menjana ekonomi.

“Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) pendigitalan perniagaan akan menjadi antara faktor penting yang dilihat menjadi pemangkin untuk menarik minat pelabur asing.

“Selain itu, kerajaan negeri bersama Melaka ICT Holdings (MITCH) merangka pelbagai bentuk program termasuk menggalakkan pembayaran tanpa tunai di kawasan tumpuan pelancongan,” katanya kepada pemberita di Banda Hilir di sini pada Selasa.

Beliau sebelum itu merasmikan Majlis Pelancaran Persidangan Antarabangsa Smart Melaka 2022 (SMIC 2022) dan Pelancaran 5G di Melaka yang turut dihadiri Exco Pendidikan, Teknologi dan Telekomunikasi negeri, Datuk Rais Yasin.

Mengulas lanjut, jelas Ab Rauf, kerajaan negeri juga sedang membangunkan satu kerangka digital baharu menerusi aplikasi Melaka Super Apps yang akan memberi nilai tambah per-



**Ab Rauf Yusoh (dua dari kanan) melawat ruang pameran selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Persidangan Antarabangsa Smart Melaka 2022 dan Pelancaran 5G Melaka di Banda Hilir pada Selasa.**

khidmatan digitalisasi industri pelancongan dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Menurut beliau, aplikasi tersebut meliputi seluruh kawasan di Melaka termasuk kawasan tumpuan pelancongan yang membolehkan pengguna mendapat segala maklumat seperti sejarah, lokasi dan tempat makanan menarik selain pembelian tiket produk pelancongan secara terus menerusi telefon pintar.

Sementara itu, Rais berkata, pihaknya menjangkakan sebanyak 100 kawasan di Melaka akan menerima liputan rangkaian 5G menjelang hujung tahun ini. - *Bernama*



07 DEC, 2022

## 41 kawasan Melaka Tengah terima liputan 5G

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

MELAKA - Melaka melancarkan liputan rangkaian 5G secara rasminya pada Selasa meliputi 41 kawasan tersedia di Melaka Tengah dengan 46 peratus capaian adalah di kawasan berpenduduk padat. Exco Kanan Pelaburan Perindustrian Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, dengan kemudahan teknologi itu, kerajaan negeri berhasrat menjadi peneraju bandar pintar di negara ini di samping mewujudkan pelbagai aktiviti yang mampu menjana ekonomi. "Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.